

Sedimentologi dan diagenesis batu kapur Gunung Senyum, Jengka, Pahang

BRENDA SUE JONATHAN, JASON LEW KOON YONG & CHE AZIZ ALI
Pusat Pengajian Sains Sekitaran dan Sumber Alam, Fakulti Sains dan Teknologi
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor Darul Ehsan

Gunung Senyum terletak lebih kurang 40 kilometer ke Utara Bandar Temerloh, di dalam Hutan Simpan Jengka Negeri Pahang. Batu Kapur Gunung Senyum secara umumnya bersifat masif. Perlapisan batu kapur dijumpai di bahagian Utara gunung dengan jurus tenggara-barat laut dan kemiringan 30° hingga 40° ke arah barat-barat daya. Litologi di sekeliling gunung terdiri daripada perlapisan syal, batu lumpur dan batu pasir bertuf. Berdasarkan pengelasan Dunham (1962), batu kapur ini dikelaskan kepada tiga kumpulan iaitu batu wak, batu padat, batu butir, batu kapur berpasir dan batu kapur berdolomit. Mengikut pengelasan Folk (1959, 1962), batu kapur di sini dapat dibahagikan kepada 11 mikrofases iaitu biomikrit, intramikrit, pelmikrit, biomiksparit, intramiksparit, pelmiksparit, biosparit, oosparit, intrasparit, pelsparit dan biopelsparit. Batu kapur yang dikaji telah mengalami proses diagenesis yang terdiri daripada penyimenan, neomorfisme, pemampatan, pengstilolitan, penghabluran semula dan pendolomitan. Fosil yang dapat dikenali terdiri daripada *Malayspirina fontainei* dan *Endothyra cf. kuepperi*. Himpunan fosil ini memberikan usia Awal Trias Akhir. Fases-fases Batu Kapur Gunung Senyum ditafsirkan terbentuk di sekitaran marin cetek iaitu pelantar karbonat. Hasil kajian geokimia mendapati batu kapur di Gunung Senyum adalah batu kapur yang mempunyai ketulenan sederhana. Bahan pencemar yang hadir terdiri daripada unsur SiO_2 dan MgO . Ini menunjukkan Batu Kapur Gunung Senyum tidak sesuai digunakan sebagai sumber bahan untuk industri batu kapur tetapi sifatnya yang masif membolehkan ia digunakan sebagai batu dimensi dalam sektor pembinaan.

Warta Geologi, Vol 30, No.3, May-Jun 2004